

Ucapan Agong dibuat oleh BN, dakwa Anwar
Malaysian Insider
June 3, 2013
Oleh Mohd Farhan Darwis

PETALING JAYA, 3 Jun — Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata, titah yang di-Pertuan Agong yang menggesa rakyat di negara ini menerima keputusan Pilihan Raya 2013 disediakan Jabatan Perdana Menteri (JPM), dan Pakatan Rakyat (PR) jelasnya bersedia menerangkan pendirian mereka berhubung protes menolak keputusan pilihan raya 5 Mei lalu.

TuanKu Abdul Halim Mu'adzam Shah menitahkan pada Sabtu, semua pihak, tanpa mengira kaum dan kepercayaan, menyokong usaha Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak untuk membaik pulih semula persefahaman kebangsaan.

"Kita tahu sistem Perlembagaan di negara ini, ucapan Yang di-Pertuan Agong dibuat Jabatan Perdana Menteri, kemudian disahkan oleh perdana menteri, seterusnya dihantar oleh Pejabat Perdana Menteri untuk pertimbangan Agong," kata Anwar (gambar) kepada pemberita ketika sidang media di Ibu Pejabat PKR di sini.

Menurut Anwar lagi, PR juga bersedia menulis warkah bagi menjelaskan tindakan mereka kepada TuanKu Abdul Halim Mu'adzam Shah serta menerangkan penipuan dan kecurangan yang berlaku dalam Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

"Kalau perlu kita boleh tulis warkah kepada Yang di-Pertuan Agong, menerangkan kecurangan dan keterlaluan dalam sikap SPR, serta kemuki bukti penipuan yang nyata.

"Kami menghargai kenyataan oleh Agong, namun ucapan itu disiapkan kerajaan," katanya.

Dalam titahnya, Seri Paduka mahu agar prinsip-prinsip seperti demokrasi berparlimen yang sihat dan matang, Raja Berpelembagaan sebagai teras kestabilan nasional, menghormati falsafah Persekutuan, meraikan kepelbagaian, menjunjung keluhuran Perlembagaan dan memuliakan kedaulatan undang-undang dijadikan teras panduan kepada proses itu.

"Dalam menjunjung kasih Agong, bahawa ucapan itu dikemukakan kerajaan persekutuan, namun dalam perbahasan kita akan jelaskan pendirian kita," tambah Anwar.

Penganjur Black 505, Datuk Johari Abdul sebelum ini berkata himpunan berkenaan tetap akan dianjurkan walaupun Yang di-Pertuan Agong TuanKu Abdul Halim Mu'adzam Shah menitahkan rakyat negara ini menerima keputusan Pilihan Raya Umum ke-13 kerana ia bertujuan menyatakan rasa tidak puas hati terhadap SPR.

"Jadi tujuan kita berkumpul ialah untuk menyatakan rasa tidak puas hati kita terhadap tindakan SPR, tidak ada niat untuk mempertikaikan pandangan TuanKu.

"Sebab itu setiap kali tamat himpunan 505 kita nyanyikan lagu Negaraku bagi menunjukkan taat setia kepada TuanKu," kata Johari kepada The Malaysian Insider merujuk kepada lagu Kebangsaan.

Beliau menjelaskan himpunan berkenaan juga akan terus dilaksanakan sehingga pengerusi dan timbalan SPR yang dilantik Agong meletak jawatan.

"Sebagai pemimpin saya menjunjung kasih nasihat Tuanku. Namun begitu rakyat di bawah memohon agar memaklumkan kepada Tuanku ada penipuan yang jelas yang dilakukan oleh SPR," katanya.

"Jadi sebagai pemimpin, patik-patik semua nak maklumkan kepada rakyat, rakyat harus bangun dan menyatakan rasa tidak puas hati mereka terhadap tindak-tanduk SPR yang ahli-ahlinya dilantik oleh Tuanku sendiri," jelas Johari.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ucapan-agong-dibuat-oleh-bn-dakwa-anwar/>